

River Cruise dihidupkan semula

KUANTAN

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) ber-cadang untuk menghidupkan kembali 'River Cruise' Sungai Kuantan, dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke daerah itu selepas operasinya ditamatkan awal tahun ini.



ZULKIFLI

Yang Dipertua MPK, Datuk Zulkifli Yaacob berkata, pihaknya memerlukan sokongan daripada syarikat swasta yang mahu bekerjasama dengan MPK untuk mempopularkan kembali River Cruise itu memandangkan ia melibatkan kos yang tinggi.

Menurutnya, penamatan operasi River Cruise itu disebabkan tiada peruntukan khas untuk membeli bot yang dianggarkan bernilai RM200,000 sebuah selepas dua bot sebelum ini tidak dapat digunakan lagi.

"Ekoran beberapa masalah antaranya masalah bot, kita terpaksa menamatkan operasi itu sedangkan sambutan begitu menggalakkan daripada pelancong termasuk daripada warga Kuantan sendiri.



MPK mahu River Cruise kembali mempopularkan Sungai Kuantan.

"Pada masa sama, Sungai Kuantan mempunyai tarikan tersendiri jika dibandingkan dengan negeri lain dan menjadi satu kerugian jika ia tiada aktiviti yang dilaksanakan untuk pengunjung," katanya.

Zulkifli berkata, di sepanjang Sungai Kuantan terdapat produk pelancongan yang boleh dilihat sambil menaiki River Cruise.

Katanya, Sungai Kuantan perlu dimanfaatkan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan seperti di Sungai Melaka dan Sungai Sarawak.

Mengulas berkenaan projek River Front yang sedang dibina di Taman Esplanade, di sini, Zulkifli berkata projek berkenaan mengambil masa enam bulan lagi untuk disiapkan sebelum dibuka kepada umum.

"Daya tarikan pelancongan di Sungai Kuantan perlu dipertingkatkan dengan pelbagai aktiviti menarik sebagaimana di Sungai Melaka dan Sungai Sarawak.

"Apabila projek River Front itu siap, saya harap ia akan mempopularkan lagi River Cruise," katanya.